

Headline	UNITEN kumpul dana bantu badan kebajikan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Supplement	Page No	P22
ArticleSize	159 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,856		



# UNITEN kumpul dana bantu badan kebajikan

**Bangi:** Pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) berjaya mengumpulkan dana melebihi RM 60,000 untuk disumbangkan kepada badan kebajikan terpilih.

Timbalan Naib Canselor UNITEN (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Ts Dr Mohd Zamri Yusoff, berkata kejayaan mengumpul sumbangan itu adalah sebahagian daripada tuntutan tugas subjek Islam dan Civil Society II.

"Ini adalah contoh yang baik bagaimana pendidikan dan sumbangan kepada masyarakat dapat berjalan seiring.

"Kami berharap usaha mereka

akan memberi inspirasi kepada pelajar lain untuk turut terbabit dalam aktiviti kemanusiaan," katanya dalam majlis penyampaian sumbangan baru-baru ini.

Dr Mohd Zamri berkata, kemampuan mengumpul jumlah yang besar itu juga memperlihatkan semangat kerjasama dan kepedulian tinggi dalam kalangan pelajar.

Bagi memastikan setiap pelajar berperanan dalam memenuhi kehendak subjek berkenaan, mereka dibahagikan kepada 13 kumpulan, dengan setiap satunya diberi tanggungjawab untuk mengumpulkan dana bagi badan kebajikan yang dipilih sendiri.



Sebahagian pelajar UNITEN yang berjaya mengumpul RM60,000 bagi memenuhi tuntutan subjek Islam dan Masyarakat untuk disumbangkan kepada rumah kebajikan terpilih.

(Foto ihsan UPSI)